



MELAKUKAN SOLAT TARAWIH DAN TADARUS AL-QURAN. KITA HIASI MASA TERLUANG DENGAN INFAQ DAN ZIKIR SEBAGAI USAHA KITA UNTUK MENJAGA KUALITI IBADAT PUASA.

BAGI WARGA TENTERA SEMUA MASJID DAN SURAU TELAH MENYEDIAKAN PELBAGAI PROGRAM MENJURUS KEPADA PROGRAM IHYA RAMADAN DENGAN MENGGUNAKAN PERUNTUKKAN KEWANGAN TABUNG ZAKAT ATM (TZ ATM) DAN SUMBANGAN ORANG RAMAI BERTUJUAN MENINGKATKAN SYIAR AGAMA ISLAM DALAM ORGANISASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA. PROGRAM TADARUS MENJADI ACARA KEMESTIAN WARGA TENTERA DI SETIAP PENEMPATAN TERMASUK ANGGOTA BAKAT BERTUJUAN MENDIDIK WARGA TENTERA DAN KELUARGA AGAR MENDEKATI AL-QURAN DAN MENINGKATKAN KEMAHIRAN MEMBACA AL-QURAN SEPANJANG BULAN YANG BERKAT INI BERSESUAIAN DENGAN FIRMAN ALLAH SWT DARI SURAH AL-BAQARAH AYAT 185:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ ۗ

YANG BERMAKSUD:

*“(BEBERAPA HARI YANG DITENTUKAN ITU IALAH) BULAN RAMADHAN, BULAN YANG DI DALAMNYA DITURUNKAN (PERMULAAN) AL QURAN SEBAGAI PETUNJUK BAGI MANUSIA DAN PENJELASAN-PENJELASAN MENGENAI PETUNJUK ITU DAN PEMBEDA (ANTARA YANG HAK DAN YANG BATHIL)”.*

اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ!

#### **SIDANG JEMAAH YANG DIHORMATI SEKELIAN.**

PAGI INI SATU SYAWAL ADALAH HARI KEMENANGAN BAGI KAUM MUSLIMIN DAN MUSLIMAT. SEBULAN MEREKA BERJAYA MENGEKANG RUNTUNAN HAWA NAFSU DENGAN MELAKUKAN AMAL IBADAH YANG WAJIB DAN YANG SUNAT SEMATA-MATA UNTUK Mencari Keredhaan Allah SWT. WARNA-WARNI KEGEMBIRAAN DIZAHIRKAN DENGAN LAFAZ MEMUJI DAN MEMBESARKAN ALLAH SWT YANG BERKUMANDANG DI SELURUH PELUSUK SEJAK SELEPAS MAGHRIB 1 SYAWAL SEHINGGA SOLAT SUNAT AIDILFITRI DILAKSANAKAN. KEMERIAHAN MENYAMBU 1 SYAWAL DIRASAKAN TANPA MENGIRA MISKIN MAHUPUN KAYA, BANGSAWAN MAHUPUN RAKYAT JELATA, YANG TUA DAN YANG MUDA IANYA ADALAH MERUPAKAN INTERPRETASIDARI SEMANGAT KESATUAN DAN UKHUWAH YANG DIBAWA OLEH AJARAN ISLAM. FIRMAN ALLAH SWT DALAM SURAH AL-HUJURAT AYAT 13:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتْقَاكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

YANG BERMAKSUD:

“HAI MANUSIA, SESUNGGUHNYA KAMI MENCIPTAKAN KAMU DARI SEORANG LAKI-LAKI DAN SEORANG PEREMPUAN DAN MENJADIKAN KAMU BERBANGSA-BANGSA DAN BERSUKU-SUKU SUPAYA KAMU SALING KENAL-MENGENAL. SESUNGGUHNYA ORANG YANG PALING MULIA DIANTARA KAMU DISISI ALLAH IALAH ORANG YANG PALING TAKWA DIANTARA KAMU. SESUNGGUHNYA ALLAH MAHA MENGETAHUI LAGI MAHA MENGENAL”.

PERSOALAN YANG MASIH BERADA DALAM BENAK RAMAI DIKALANGAN UMAT ISLAM PADA HARI PERTAMA KITA BERADA DI BULAN SYAWAL APAKAH CABARAN DAN KEADAAN AMALAN SELEPAS RAMADAN MELABUHKAN TIRAINYA. ADAKAH MOMENTUM IBADAT YANG DIKERJAKAN DI BULAN RAMADAN YANG BARU SEMALAM KITA TINGGALKAN MAMPU UNTUK KITA TERUSKAN KEMERIAHANNYA UNTUK BULAN-BULAN YANG AKAN DATANG.

اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ! اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ

### **SIDANG JEMAAH YANG DIHORMATI SEKELIAN.**

KITA TELAH TEMPUHI BULAN KETAATAN (شهر الطاعة), PEMERGIAN BULAN RAMADAN MEMBERIKAN PELBAGAI *IBRAH* (PENGAJARAN) BAGI MEREKA YANG BENAR-BENAR BERUSAHA MENINGKATKAN TAHAP KETAQWAAN KEPADA ALLAH SWT. MEREKA YANG BEROLEH PENGAJARAN YANG BERGUNA PASTINYA MENINGGALKAN RAMADAN DENGAN PENUH KESEDIHAN BERSAMA DENGAN AZAM YANG TINGGI UNTUK TERUS KEKAL DENGAN KEBAIKAN YANG DILAKUKAN DI BULAN RAMADAN. ADA PUN MEREKA YANG LALAI DARI KEBAIKAN RAMADAN AKAN TERUS BERADA DALAM KELALAIAN SETELAH BERAKHIRNYA RAMADAN. TIDAK DINAFIKAN RAMADAN MENYEDIAKAN PAKEJ LENGKAP PROSES MENDIDIK JIWA DAN MEMBENDUNG HAWA NAFSU SERTA TAMAK HALOBA KEDUNIAAN YANG MENENGGELAMKAN NILAI IMAN. UMPAMAKAN SEORANG YANG DIBERI KESEMPATAN UNTUK BERADA DALAM TAMAN YANG INDAH TENTU SEKALI KESEMPATAN TERSEBUT DIGUNAKAN SEPENUHNYA UNTUK MEMETIK PELBAGAI BUNGAAN DAN BUAHAN YANG LAZAT. MENIKMATI SEGALA KEINDAHAN YANG MENAKJUBKAN DENGAN MERAKAMKAN DALAM MEMORI INGATAN SERTA MELETAKKAN SEPENUH HARAPAN AGAR TIDAK DIKELUARKAN DARI TAMAN TERSEBUT.

MENJADI TANGGUNGJAWAB KITA SELEPAS MENINGGALKAN BULAN RAMADAN UNTUK MENGAMBIL BEBERAPA PENDEKATAN AGAR NATIJAH DARI RAMADAN DAPAT KITA TERUSKAN DI BULAN-BULAN BERIKUTNYA. ANTARANYA IALAH:

1. **MENJAGA FADHILAT DAN AMALAN RAMADAN.** MEREKA YANG BAHAGIA ADALAH MEREKA YANG MENDAPAT HIDAYAH ALLAH SWT DALAM BULAN RAMADAN DENGAN MELAKSANAKAN PUASA DENGAN

PENUH *إيماناً واحتساباً* (MENGHARAPKAN PAHALA), MEREKA YANG CELAKA ADALAH MEREKA YANG MENGHADAPI RAMADAN DALAM KEADAAN BIASA DAN KELUAR BULAN RAMADAN SEBAGAI SEORANG YANG MUFLIS. SABDA RASULULLAH SAW:

إِنَّ جِبْرِيْلَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَرَضَ لِي فَقَالَ: بُعْدًا لِمَنْ أَدْرَكَ رَمَضَانَ فَلَمْ يَغْفِرْ لَهُ قُلْتُ: آمِينَ

YANG BERMAKSUD:

*“SESUNGGUHNYA JIBRIL AS TELAH MENDATANGIKU, KEMUDIAN IA BERKATA “CELAKALAH BAGI ORANG-ORANG YANG MENEMUI RAMADAN NAMUN MEREKA TIDAK DIAMPUNKAN. MAKA AKU MENJAWAB “AMIN”.*

2. **TANDA PENERIMAAN ALLAH SWT TERHADAP AMALAN DI BULAN RAMADAN ADALAH ISTIQAMAH DALAM IBADAT.** SEORANG YANG DITERIMA AMALANNYA AKAN MERASAKAN SUATU KURNIAAN ALLAH SWT YANG TIDAK TERHINGGA NILAINYA. BERTITIK TOLAK DARI SINI MAKA SEGALA IBADAT YANG DIBUAT DI BULAN RAMADAN PASTI AKAN DITERUSKAN DI BULAN-BULAN SETERUSNYA DENGAN SATU PENGHARAPAN AGAR AMALAN MEREKA DITERIMA.

3. **BERTERUSAN DALAM IBADAT TANDA DISIPLIN SEBAGAI SEORANG MUKMIN.** SEORANG WARGA TENTERA YANG TERLATIH SENTIASA KONSISTEN DALAM MENGAMALKAN DISIPLIN SAMA ADA BERSAMA TEMAN SEPERJUANGAN ATAU BERSENDIRIAN. BEGITU JUGA HALNYA SEBAGAI SEORANG MUKMIN YANG TERBAIK SENTIASA BERDISIPLIN DENGAN ALLAH SWT DENGAN MENJAGA SEGALA AMALAN WAJIB DAN SUNAT DAN MENJAUHI TEGAHAN DAN LARANGAN DARI ALLAH SWT SESUAI DENGAN FIRMAN ALLAH SWT DALAM SURAH AL-HIJR AYAT 99:

وَأَعْبُدْ رَبَّكَ حَتَّىٰ يَأْتِيَكَ الْيَقِينُ

YANG BERMAKSUD:

*“DAN SEMBAHLAH TUHANMU SAMPAI DATANG KEPADAMU YANG DIYAKINI (AJAL)”.*

4. **PENGORBANAN SETIAP PETUGAS BARISAN HADAPAN DALAM MENDEPANI WABAK PANDEMIK COVID-19.** SUDAH MENJADI LUMRAH KEHIDUPAN ANGGOTA BERUNIFORM DI NEGARA KITA UNTUK BERKORBAN TENAGA DAN KERINGAT PADA SEBARANG RUTIN PERAYAAN DAN PADA TAHUN INI NEGARA KITA MASIH LAGI BELUM BEBAS DARI WABAK PANDEMIK YANG KEMBALI MEREBAK. PENGORBANAN SETIAP PETUGAS *FRONTLINERS* PERLU DIJADIKAN AZIMAT AGAR SETIAP KERINGAT YANG DICURAHKAN AKAN MENJADI BUKTI PENGORBANAN YANG DITERIMA OLEH ALLAH SWT DI HARI

